

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, February 9, 2020 9:29 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Asasi Bina Jalinan Kemesraan Di Jerlun



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

9 FEBRUARI 2020 / 15 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Pusat Asasi Pengurusan

ASASI BINA JALINAN KEMESRAAN DI JERLUN



UUM ONLINE: Seramai 204 Pelajar Asasi Pengurusan Kohort 6 turun padang mendekati masyarakat Kuala Jerlun di samping menyelami suasana kampung yang indah nan permai sekali gus membuktikan mereka mahasiswa mesra masyarakat, baru-baru ini.

Dekan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Massudi Mahmuddin yang mewakili Naib Canselor berkata, program *Asasi-Kuala Jerlun Community Engagement Towards Community Development* berjaya menyemai semangat kerjasama sekali gus mengeratkan silaturahim antara pelajar dan komuniti.

“Seawal jam 8.00 pagi, para pelajar bersama penduduk kampung telah mengadakan aktiviti gotong-royong di beberapa lokasi berbeza antaranya masjid dan tanah perkuburan, surau, *Homestay* serta Dewan Orang Ramai Kampung Jeruju.

“Sekumpulan lagi mengadakan program motivasi di SMK Jerlun melibatkan 100 pelajar Tingkatan 4 dan 5 di samping mempromosikan Program Asasi Pengurusan Pengurusan. Slot

AMC yang dikendalikan oleh Aida Solehah, pelajar OKU PAP turut mendapat sambutan yang memberangsangkan dan pelajar yang lain bersama-sama penduduk berganding bahu memasak untuk makan tengah hari,” ucapnya.

Ujarnya, program kemasyarakatan merupakan program tahunan Pusat Asasi Pengurusan memandangkan peranan universiti bukan sahaja dalam aspek pembangunan akademik malah dalam aspek sumbangan kepada komuniti melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

“Saya yakin program sebegini bakal menjadi satu titik permulaan yang amat baik untuk terus menjalin kolaborasi lebih erat dalam mendekatkan golongan pelajar dengan aktiviti kemasyarakatan dan tidak bersifat ‘touch and go’,” luahnya.

Beliau berharap aktiviti sebegini dapat memupuk semangat membantu antara satu sama lain tanpa mengira latar belakang dan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan program ini.

Sementara itu, Pengarah Program, Nasaruddin Mohd. Shukri berkata, berkonsepkan gotong-royong, program ini memberi peluang kepada para pelajar menzhahirkan penghayatan kemahiran insaniah dalam bentuk kerja sukarelawan.

Jelasnya, program anjuran Pusat Asasi Pengurusan UUM dengan kerjasama Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Jerlun, SMK Jerlun dan komuniti bertujuan untuk membina jalinan kemesraan antara UUM dengan masyarakat di Kuala Jerlun yang penyayang.

“Para pelajar teruja kerana mereka merasai sendiri suasana masyarakat di kampung memandangkan kebanyakan mereka tinggal di kawasan bandar. Terima kasih diucapkan di atas penglibatan semua staf Pusat Asasi Pengurusan yang berganding bahu menjayakan program ini.

“Jadi, acara ini dapat memberikan pendedahan kepada kita semua tentang kehidupan sebenar masyarakat di sekeliling kita,” ujarnya.

Manakala Kareena Kaur Gill A/P Karamjit Singh menyifatkan program yang sarat dengan pengisian bermanfaat itu menyediakan platform kepada para pelajar untuk menimba pengalaman, menyesuaikan diri dan menyantuni komuniti.

“Prihatin membantu golongan yang memerlukan merupakan satu amalan mulia. Nilai ini mungkin kecil bagi yang berkemampuan, tetapi besar maknanya kepada mereka yang menerimanya sungguh seronok dapat membantu meringan beban penduduk di Kuala Jerlun ini.

“Program kemasyarakatan ini turut memupuk perasaan cinta dan prihatin terhadap kebersihan serta keceriaan alam sekitar di kawasan kampung tersebut,” luahnya.

Majlis penutupan disempurnakan oleh Pegawai Khas Menteri Besar Kedah. Dato' A. Aziz Mohamod yang turut menyampaikan sumbangan kepada keluarga asnaf dan pelajar sekolah.

Turut disampaikan ialah sumbangan pakaian *pre-loved* dan wang tunai hasil kutipan jualan amal *pre-loved* anjuran Pusat Asasi Pengurusan kepada penduduk kampung dan SMK Jerlun.

Hadir sama, Pengarah Pusat Asasi Pengurusan UUM, Prof. Madya Dr. Munif Zarirruddin Fikri Nordin, Penolong Pengarah, Nur Shazwani Shariffudin dan Pengetua SMK Jerlun, Siti Rubiah Mohd Arshad.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.